Penggunaan skala muka likert telah lama diimplementasikan kepada kanak-kanak di dalam pelbagai bidang. Bagi bidang pendidikan, skala muka likert ini telah mula diimplementasikan seawal tahun 1990 dalam kajian Macklin dan Machleit (1990) yang bertajuk *Measuring Preschool Children Attitude*. Menurut Wan dan Sobihatun (2014) pula, soal selidik menggunakan skala muka likert telah lama dimplementasikan ke atas kanak-kanak di bagi mengukur perasaan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak seperti masalah kegelisahan, mental, tekanan dan sosial. Antaranya ialah kajian Vanhamme dan Chiu (2019) yang menggunakan skala muka likert bagi mengukur emosi kanak-kanak. Hal ini kerana, meletakkan imej visual di dalam soal selidik yang dijawab oleh kanak-kanak membantu mereka memahami konteks soalan dan jawapan yang diperlukan (Reynolds-Keefer & Robert Johnson, 2011). Oleh itu, kajian ini juga menggunakan skala muka likert bagi mereka bentuk satu instrumen pentaksiran kompetensi sosial kanak-kanak berbentuk soal selidik dan sesuai digunakan kepada kumpulan sasaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi meningkatkan kefungsian sesebuah instrumen, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen juga merupakan aspek yang sangat penting untuk dinilai. Kompetensi sosial kanak-kanak dapat diukur dengan baik sekiranya instrumen tersebut mempunyai kesahan yang baik. Menurut Zaenal Ariffin (2017), antara kriteria-kriteria yang menunjukkan kualiti sesebuah instrumen ialah mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang baik, kos pelaksanaan yang wajar dan boleh digunakan dengan mudah. Antara elemen kesahan yang perlu diambil kira bagi mengesahkan sesuatu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


instrumen ialah kesahan muka, kesahan kandungan dan kesahan item. Menurut N.S Mat Salleh et al. (2015), item yang disahkan melalui proses pengukuran konstruk, konsep, konstruk yang setara dengan perbincangan teori-teori di dalam bidang yang diukur dan pengujian ke atas sampel yang sepatutnya akan dapat memberikan hasil yang menggambarkan aspek yang diukur serta pola respon yang sesuai dengan model pengukuran yang digunakan seterusnya mentakrifkan seseorang individu dengan tepat.

Selain proses kesahan, instrumen yang baik juga seharusnya mempunyai tahap kebolehpercayaan (*reliability*) yang tinggi. Menurut Shahril Sabudin, Azlin Norhaini Mansor, Subahan Mohd Meerah dan Azliza Muhammad (2018), kebolehpercayaan sesebuah instrumen berdasarkan Model Rasch boleh dianalisis menggunakan nilai *person and item separation index*. Menurut Wright dan Masters (1982), semakin besar nilai perbezaan *person and item separation index*, maka semakin tinggi tahap kebolehpercayaan item tersebut.

Pentaksiran kompetensi sosial kanak-kanak secara menyeluruh dan diyakini tahap kesahan dan kebolehpercayaannya amat penting bagi memastikan kompetensi kanak-kanak diukur dengan tepat. Hal ini kerana, norma kepelbagaian masyarakat di Malaysia yang pelbagai memerlukan setiap individu di negara ini untuk memiliki kemahiran bersosial yang kompeten. Menurut Bierman dan Torres (2016), perkembangan kompetensi sosial kanak-kanak bermula sejak zaman awal kanak-kanak lagi. Oleh itu, pentaksiran kompetensi sosial haruslah dijalankan dengan betul bagi memastikan tahap perkembangan kompetensi sosial kanak-kanak dapat dinilai dengan baik seterusnya pihak guru, ibu bapa dan sekolah boleh merangka strategi bagi meningkatkan perkembangan kanak-kanak bagi aspek kompetensi sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Menurut akhbar Utusan bertarikh 29 Disember 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyatakan bahawa amalan pengasingan kelas mengikut tahap akademik akan dihentikan mulai tahun 2019. Hal ini akan meletakkan pelajar dari pelbagai latar belakang akademik di dalam satu kelompok yang sama dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Latar belakang yang berbeza memerlukan kemahiran penyesuaian sosial yang baik bagi memastikan pelajar dapat menyesuaikan diri dan tidak mengalami masalah sosial seperti pengasingan, tingkah laku negatif dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk instrumen kompetensi sosial yang komprehensif bagi memastikan kanak-kanak dibentuk sebagai individu yang kompeten dari segi sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.3 Pernyataan Masalah

Kompetensi sosial menurut Cavell (1990) adalah keupayaan kanak-kanak untuk menunjukkan tingkahlaku sosial yang merangkumi aspek kemahiran sosial, prestasi sosial dan penyesuaian sosial. Kompetensi sosial sememangnya penting dalam perkembangan seseorang individu terutamanya di peringkat awal kanak-kanak kerana ianya memberikan kesan jangka panjang dari aspek akademik dan tingkahlaku (Jones et al., 2015; Santrok, 2014).

Permasalahan utama yang mendorong kajian ini dijalankan ialah, kaedah pentaksiran kompetensi sosial di Malaysia hanya berfokuskan kepada kaedah kualitatif iaitu menggunakan kaedah pemerhatian melalui instrumen senarai semak, rekod anekdot dan sebagainya (Salzuriawani & Siti, 2017). Namun begitu, menurut Ruzek et

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


al., (2019), penggunaan satu jenis kaedah pentaksiran dan instrumen sahaja tidak dapat memenuhi semua tujuan dan matlamat pentaksiran dan tidak memberi gambaran sebenar tentang konstruk yang diukur. Hal ini kerana, walaupun kaedah pemerhatian mampu memberikan maklumat yang mendalam tentang sesuatu konstruk yang diukur, kaedah laporan diri menggunakan soal selidik pula memberikan maklumat terus daripada persepsi kanak-kanak yang dilihat sebagai sumber maklumat utama.

Seterusnya, instrumen kompetensi sosial perlulah bersesuaian dengan konteks masyarakat atau populasi yang disasarkan. Hal ini berdasarkan Darling-Churchill dan Lippman (2016), pengukuran kompetensi sosial adalah unik berlandaskan konteks sosial dan norma persekitaran sosial sesebuah populasi. Namun, kajian pembinaan instrumen berkaitan perkembangan sosial di Malaysia hanya dijalankan oleh beberapa pengkaji seperti Mohd dan Siti (2016) dan Nor (2017). Sehubungan itu, kebanyakan pengkaji cenderung untuk mengadaptasi instrumen sedia ada bagi mengukur kompetensi sosial kanak-kanak. Antara kesan proses mengadaptasi instrumen daripada luar negara menyebabkan instrumen tersebut cenderung untuk mempunyai isu dari aspek psikomterik dan metodologi (Mohd Effendi, 2015).

Menurut Mohd Effendi (2015), isu psikometrik dilihat dari segi konteks yang tidak seragam dan tidak jelas, masalah penggunaan bahasa terutamanya dari aspek penterjemahan dan pertembungan istilah. Perbezaan bahasa boleh membawa kepada penggunaan konteks yang membawa maksud yang berlainan dan menjejaskan maksud setiap item yang disenaraikan di dalam sesebuah instrumen. Jika terdapat item yang tidak mengukur konstruk dengan tepat, ketepatan hasil pengukuran menggunakan instrumen terbabit akan terjejas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Manakala, isu metodologi dilihat dari segi perbezaan sampel dan kaedah persampelan yang boleh menimbulkan bias dan isu kesahan dan kebolehpercayaan. Contohnya seperti penggunaan teori pengukuran klasik yang terdapat kelompongan, tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang diragui (Mohd Effendi, 2015). Antara kelompongan teori pengukuran klasik yang nyata ialah kebergantungan statistik terhadap sampel. Tahap kesahan dan kebolehpercayaan juga diragui kerana instrumen dari luar negara menggunakan sampel yang berlainan latar belakang, budaya dan sebagainya.

Selain itu, pernyataan masalah seterusnya ialah kajian-kajian lepas mempunyai percanggahan dari segi perbezaan tahap kompetensi sosial kanak-kanak berdasarkan perbezaan jantina. Terdapat beberapa kajian yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap kompetensi sosial kanak-kanak berdasarkan jantina iaitu Hetmancyzk-Bayer (2015), Sang dan Nelson (2016) dan Ren dan Wyver (2016). Selain itu, sebilangan kajian pula menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang signfikan di antara tahap kompetensi sosial kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan. Menurut Julian dan Mccall (2015), kanak-kanak perempuan dilihat mempunyai tahap kompetensi sosial yang lebih rendah berbanding kanak-kanak lelaki. Walaubagaimanapun, menurut Hinkley, Brown, Carson dan Teychenne (2018), kanak-kanak perempuan menunjukkan tahap kompetensi sosial yang lebih tinggi berbanding kanak-kanak lelaki.

Kesimpulannya, kajian ini dijangka menyumbang kepada penghasilan Instrumen Kompetensi Sosial Kanak-Kanak berbentuk soal selidik yang boleh digunakan untuk mengukur tahap kompetensi sosial kanak-kanak dengan baik kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



diuji kesahan dan kebolehpercayaannya. Instrumen diharap dapat menjadi variasi pilihan kepada pihak-pihak berkepentingan dalam mengukur kompetensi sosial kanak-kanak seterusnya mendapatkan maklumat yang lebih komprehensif.

## 1.4 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk mereka bentuk Instrumen Kompetensi Sosial Kanak-Kanak berdasarkan *Tri-Component Model of Social Competence* yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik. Objektif kajian ini secara khususnya untuk:

1. Mengenalpasti nilai kesahan bagi instrumen kompetensi sosial kanak-kanak
2. Mengenalpasti nilai kebolehpercayaan bagi instrumen kompetensi sosial kanak-kanak
3. Menentukan tahap kompetensi sosial kanak-kanak menggunakan Instrumen Kompetensi Sosial Kanak-Kanak
4. Mengenalpasti perbezaan tahap kompetensi sosial kanak-kanak berdasarkan jantina kanak-kanak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**1.5 Persoalan Kajian**

Persoalan bagi kajian ini ialah:

1. Adakah instrumen kompetensi sosial kanak-kanak mempunyai nilai kesahan yang boleh diterima?
   - i) Adakah instrumen kompetensi sosial kanak-kanak mempunyai nilai kesahan pakar berdasarkan *Content Validity Ratio* yang boleh diterima?
   - ii) Adakah instrumen kompetensi sosial kanak-kanak mempunyai nilai keserasian item yang boleh diterima?
   - iii) Adakah instrumen kompetensi sosial kanak-kanak mempunyai nilai polariti item yang boleh diterima?
   - iv) Adakah instrumen kompetensi sosial kanak-kanak mempunyai nilai unidimensionaliti yang boleh diterima?
   - v) Adakah instrumen kompetensi sosial kanak-kanak menunjukkan kesahan skala yang boleh diterima?
2. Adakah instrumen kompetensi sosial kanak-kanak mempunyai nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima?
   - i) Adakah instrumen kompetensi sosial kanak-kanak mempunyai nilai kebolehpercayaan item (*item reliability*) yang boleh diterima?
   - ii) Adakah instrumen kompetensi sosial kanak-kanak mempunyai nilai kebolehpercayaan individu (*person reliability*) yang boleh diterima?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


iii) Adakah instrumen kompetensi sosial kanak-kanak mempunyai nilai indeks pengasingan (*separation index*) yang boleh diterima?

3. Apakah tahap kompetensi sosial kanak-kanak berdasarkan Instrumen Kompetensi Sosial Kanak-Kanak?
4. Adakah terdapat perbezaan tahap kompetensi sosial kanak-kanak berdasarkan jantina?

## 1.6 Hipotesis Kajian

i) Hipotesis null: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kompetensi sosial kanak-kanak berdasarkan jantina

ii) Hipotesis alternatif: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kompetensi sosial kanak-kanak berdasarkan jantina

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.7 Kerangka Teoritikal

Setiap teori yang disenaraikan di dalam rajah 1.1 menyumbangkan konsep masing masing dalam proses mereka bentuk instrumen kompetensi sosial kanak-kanak. Teori-teori ini juga memandu haluan perbincangan sepenuhnya mengenai perkaitan Teori Perkembangan Sosial Vygotsky (1978) dan *Theory of Mind* (1990) dengan tahap kompetensi sosial kanak-kanak dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Teori Vygotsky (1978) adalah mengenai perkembangan sosial kanak-kanak iaitu bagaimana kanak-kanak memperkembangkan dan mengaplikasikan kompetensi sosial mereka melalui proses pembelajaran dan sewaktu berada di dalam *Zone of Proximal Development* (ZPD). Hal ini kerana, menurut Vygotsky, *Zone of Proximal Development* (ZPD) memerlukan kanak-kanak untuk bekerjasama dengan individu lain yang berbeza daripada segi tahap kemahiran, umur dan sebagainya. Oleh itu, kanak-kanak perlu mempunyai kompetensi sosial yang baik bagi menjayakan aktiviti sewaktu berada di *Zone of Proximal Development* dengan mengaplikasikan kemahiran sosial, prestasi sosial dan penyesuaian sosial.

Di samping itu, *Theory of Mind* pula menekankan bahawa sejak daripada zaman kanak-kanak, seseorang individu telah mula membentuk kompetensi sosial dengan menunjukkan kebolehan memahami pemikiran dan perspektif orang lain. Kanak-kanak mula memahami bahawa setiap individu mempunyai pemikiran dan pandangan yang berbeza seterusnya membina kompetensi sosial di dalam diri mereka. Hal ini mempengaruhi kemahiran sosial, respon sosial yang diberi oleh kanak-kanak dan tahap penyesuaian sosial mereka.

Oleh itu, kedua-dua teori ini menunjukkan bahawa kompetensi sosial sememangnya terdiri daripada aspek kemahiran sosial, prestasi sosial dan penyesuaian sosial dan telah mula terbentuk dan boleh dinilai sejak zaman awal kanak-kanak lagi. Bagi menilai kompetensi sosial secara menyeluruh, kajian ini menggunakan *Tri-Component Model of Social Competence* (Cavell, 1990) sebagai asas kepada Instrumen Kompetensi Sosial Kanak-Kanak. Model ini merangkumi tiga aspek utama di dalam kompetensi sosial iaitu kemahiran sosial, prestasi sosial dan penyesuaian sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi





*Rajah 1.1.* Kerangka Teoritikal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**1.8 Kerangka Konseptual**

Dalam kajian ini, kerangka konseptual pada rajah 1.2 menunjukkan bahawa *Tri-Component Model of Social Competence* merupakan asas kepada pembentukan Instrumen Kompetensi Sosial Kanak-Kanak. Model ini mendefinisikan kompetensi sosial sebagai satu konstruk komprehensif merangkumi sub-konstruk seperti aspek kemahiran sosial, prestasi sosial dan penyesuaian sosial.

Menurut Cavell (1990) dan Ritchie (2015), kemahiran sosial ialah perlakuan-perlakuan khusus berbentuk prososial yang digunakan oleh kanak-kanak dalam melaksanakan aktiviti bersosial. Contohnya seperti berinteraksi, bekerjasama dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



berkongsi sesuatu dengan baik (Selimovic, Selimovic & Opic, 2018). Kemahiran sosial yang baik akan menjadi asas kepada interaksi sosial yang berkesan di antara individu dan persekitaran (Neitola, 2018).

Prestasi sosial pula merujuk kepada respon sosial yang diberikan oleh kanak-kanak terhadap sesebuah situasi sosial (Cavel, 1990; Ritchie, 2015). Respon sosial adalah katalis kepada pembentukan interaksi yang efektif seterusnya hubungan interpersonal yang berkualiti. Menurut Kosheleva, Lugovaya dan Khorosikh (2017), prestasi sosial merupakan salah satu aspek yang mendasari kompetensi sosial seseorang individu. Perlakuan yang melambangkan prestasi sosial yang baik adalah apabila kanak-kanak memberikan respon yang sesuai kepada sesebuah situasi sosial seperti membantu individu yang dilihat memerlukan bantuan dan menyertai rakan-rakan yang dilihat sedang bermain. Menurut Cavell (1990), prestasi sosial ialah apabila seseorang individu tersebut memberi respon yang relevan dan menepati kriteria sosial yang sepatutnya terhadap sesebuah situasi sosial.

Penyesuaian sosial pula merujuk kepada keupayaan kanak-kanak untuk menyesuaikan diri dalam konteks sosial yang pelbagai (Aulia, 2013). Kepelbagaian sosial dalam persekitaran terbahagi kepada beberapa aspek seperti fizikal dan mental. Kepelbagaian di dalam bentuk fizikal termasuklah variasi warna kulit, rupa paras dan ciri-ciri fizikal yang lain. Ciri-ciri secara mental pula berbentuk variasi cara pemikiran, idea, pendapat dan sebagainya. Oleh itu, kanak-kanak dikatakan mampu menyesuaikan diri dalam konteks sosial yang pelbagai apabila mampu mengadaptasi dan menerima kepelbagaian ini dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Secara keseluruhannya, ketiga-tiga aspek ini membentuk kompetensi sosial kanak-kanak berdasarkan *Tri-Component Model of Social Competence*. Oleh itu, Instrumen Kompetensi Sosial Kanak-Kanak di dalam kajian ini merangkumi ketiga-tiga aspek yang disenaraikan sebagai asas kepada Instrumen Kompetensi Sosial Kanak-Kanak. Model ini disokong oleh dua teori iaitu Teori Perkembangan Sosial Vygotsky (1978) dan *Theory of Mind* (1990). Instrumen ini seterusnya diuji kesahan dan kebolehpercayaan berdasarkan kesahan kandungan dan kesahan konstruk iaitu melalui kesahan pakar dan berdasarkan Model Pengukuran Rasch. Ciri-ciri psikometrik item tersebut dinilai berdasarkan Model Pengukuran Rasch dari aspek item dan individu. Hasil penilaian psikometrik ini akan menyumbang kepada hasil kajian iaitu kesahan dan kebolehpercayaan Instrumen Kompetensi Sosial Kanak-Kanak. Data yang diperolehi menggunakan instrumen ini juga diproses bagi menilai tahap kompetensi sosial kanak-kanak yang terlibat sebagai sampel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




*Rajah 1.2.* Kerangka Konseptual



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.9 Definisi Istilah

Definisi istilah bagi kajian ini merangkumi definisi istilah bagi kompetensi sosial, *Tri-Component Model of Social Competence*, kesahan dan kebolehpercayaan.

### 1.9.1 Kompetensi Sosial

Menurut Milligan, Phillips dan Morgan (2016), kompetensi sosial merujuk kepada kebolehan seseorang individu berhubung dan memberi respon secara sosial dengan individu, masyarakat dan persekitaran yang pelbagai secara berdikari dan berjaya, membina dan mengekalkan hubungan dan mempunyai matlamat yang menepati konteks kepelbagaian masyarakat. Kepelbagaian masyarakat dari segi agama, budaya, latar belakang, taraf ekonomi dan sebagainya terutamanya di Malaysia menjadikan kompetensi sosial sebagai satu elemen penting untuk dikuasi sejak tahap pendidikan awal kanak-kanak lagi.

Dalam kajian ini, kompetensi sosial didefinisikan sebagai satu konstruk komprehensif yang menggabungkan elemen kemahiran sosial, prestasi sosial dan penyesuaian sosial berdasarkan *Tri-Component Model of Social Competence*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.9.2 Tri-Component Model of Social Competence

*Tri-Component Model of Social Competence* dibina oleh Cavell pada tahun 1990. Menurut Rotchie (2015), Kompetensi Sosial merupakan satu konstruk yang merangkumkan 3 aspek iaitu kemahiran sosial (*Social Skills*), prestasi sosial (*Sosial Perfomance*) dan penyesuaian sosial (*Social Adjustment*).

Dalam kajian ini, kompetensi sosial merangkumi ketiga-tiga aspek yang disenaraikan iaitu kemahiran sosial, prestasi sosial dan penyesuaian sosial.

#### i) Kemahiran Sosial

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Cavell (1990), kemahiran sosial merupakan tingkahlaku-tingkahlaku khusus yang ditunjukkan oleh seseorang individu dalam melaksanakan aktiviti bersosial. Antara tingkah laku yang menunjukkan penggunaan kemahiran sosial ketika menjalankan aktiviti ialah tingkahlaku seperti berinteraksi, berkongsi dan bekerjasama. Menurut Lynch dan Simpson (2010), kemahiran sosial ialah perbuatan yang menjadi katalis bagi interaksi sosial di antara satu kelompok individu dan persekitaran.

Dalam kajian ini, kemahiran sosial merujuk kepada tingkah laku khusus yang ditunjukkan oleh kanak-kanak dalam menjalankan sesuatu aktiviti bersosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**ii) Prestasi Sosial**

Menurut Ritchie (2015), prestasi sosial merujuk kepada kebolehan seseorang individu mengaplikasikan kemahiran sosial dalam memberi respon sosial dan membina hubungan interpersonal serta interaksi yang berkualiti dan efektif. Contohnya ialah bertindak dengan sewajarnya terhadap keperluan orang lain, menyertai sesuatu aktiviti yang sedang berlangsung dan menggunakan cara yang berhemah bagi menyatakan pendapat. Menurut Cavell (1990), prestasi sosial ialah apabila seseorang individu tersebut memberi respon yang relevan dan menepati kriteria sosial yang sepatutnya terhadap sesebuah situasi sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, prestasi sosial merujuk kepada tingkah laku prososial kanak-kanak dalam memberi respon kepada sesebuah situasi sosial.

**iii) Penyesuaian Sosial**

Menurut Ritchie (2015), penyesuaian sosial merupakan salah satu aspek di dalam *Tri-Component Model of Social Competence.* Tahap ini merujuk kepada kebolehan seseorang individu untuk mencapai matlamat sosial seperti hubungan yang baik dengan individu di persekitaran, hubungan yang kukuh dan persahabatan jangka panjang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


(Cavell, 1990) dengan menyesuaikan diri dalam persekitaran sosial yang pelbagai (Aulia Rifki Nourovita Putri, 2013). Hal ini disokong oleh Wima, Tri Rejeki dan Dian Ratna Sawitri (2008) yang menyatakan bahawa mencapai matlamat sosial melalui penyesuaian sosial termasuklah penyesuaian sosial dalam konteks persekitaran di sekolah dan masyarakat berdasarkan kepelbagaian sosial. Contohnya ialah menerima kepelbagaian ciri, perspektif dan pandangan orang lain dan menerima kepelbagaian budaya di persekitaran mereka.

Dalam kajian ini, penyesuaian sosial didefinisikan sebagai kebolehan kanak-kanak menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial yang pelbagai bagi mencapai matlamat sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.9.3 Kesahan

Menurut Mohajan (2017), kesahan merujuk kepada sejauh mana sesebuah instrumen tersebut mengukur konstruk yang telah ditetapkan. Definisi ini adalah selari dengan Healed dan Twycross (2015) yang menyatakan bahawa semakin tinggi nilai kesahan yang ditunjukkan oleh sesebuah instrumen, semakin tepat penilaian terhadap konstruk yang diukur.

Dalam kajian ini, kesahan diukur menggunakan kesahan pakar dan Model Rasch iaitu dari segi nilai keserasian item, nilai polariti item, nilai unidimensionaliti dan kesahan skala.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.9.4 Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan sesuatu instrumen amat penting dalam menentukan kejituan soal selidik dan mempertahankannya daripada sebarang kecacatan. Nilai kebolehpercayaan yang baik memastikan bahawa sesebuah instrumen itu berfungsi dan mengukur ciri-ciri tertentu secara konsisten (Basdas, Erdem, Elmali & Kurtoglu, 2018). Dalam kajian ini, kebolehpercayaan merujuk kepada konsistensi sesebuah pengukuran yang mana sekiranya instrumen tersebut diukur terhadap subjek yang sama dalam sela masa yang berbeza, data yang diperolehi adalah sama atau hampir sama.

Kebolehpercayaan dalam kajian ini dinilai melalui nilai kebolehpercayaan item (*item reliability*), kebolehpercayaan individu (*person reliability*) dan indeks pengasingan item.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.10 Kepentingan Kajian

Fokus kajian ini ialah mereka bentuk Instrumen Kompetensi Sosial Kanak-Kanak berbentuk soal selidik yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik. Kompetensi sosial kanak-kanak perlu dititikberatkan kerana dilihat sebagai satu aspek perkembangan yang penting kepada setiap kanak-kanak. Menurut Jones dan Kahn (2017), kompetensi sosial seseorang individu akan mempengaruhi tahap pencapaian akademik mereka. Suatu kajian sistematik menunjukkan bahawa, kumpulan individu yang mempunyai pencapaian cemerlang dalam bidang akademik menerima pembelajaran kompetensi sosial yang sistematik dan terancang. Hal ini kerana, terdapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


hubungan yang signifikan di antara kompetensi sosial dan kemahiran berfikir individu dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian akademik.

Selain itu, menurut File, Mueller dan Wisneski (2012), berdasarkan teori Vygotsky, pembelajaran seseorang adalah bersandarkan aktiviti sosial yang melibatkan komunikasi dan aplikasi kemahiran sosial. Oleh itu, kompetensi sosial yang baik akan menjadi katalis kepada pembelajaran seseorang individu seterusnya membawa kepada kesediaan belajar dan kecemerlangan dalam domain akademik. Instrumen kompetensi sosial yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik diharapkan dapat membantu pihak-pihak berkepentingan seperti ibu bapa, guru dan pihak sekolah mengesan tahap kompetensi sosial kanak-kanak seterusnya melakukan intervensi yang sesuai bagi memastikan kompetensi sosial setiap kanak-kanak berada di tahap kompeten.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, kajian ini memberi sumbangan kepada semua pihak seperti ibu bapa, guru dan sekolah dalam melihat tahap kompetensi sosial kanak-kanak menggunakan instrumen yang dibina seterusnya meningkatkan tahap pencapaian akademik kanak-kanak secara keseluruhan.

Seterusnya, instrumen kompetensi sosial kanak-kanak di dalam kajian ini juga adalah berdasarkan model yang komprehensif seterusnya dapat memberikan gambaran sebenar kepada tahap kompetensi sosial kanak-kanak. Instrumen yang komprehensif penting untuk digunakan dan juga harus diimplementasikan secara menyeluruh kerana kompetensi sosial seseorang individu akan memberikan kesan jangka panjang sekiranya penilaian dan intervensi yang digunakan di peringkat awal adalah tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berkesan dan gagal. Menurut Jones et al. (2015), kompetensi sosial seseorang individu merupakan indikator terbaik bagi melihat masa depan seseorang individu.

Secara praktikalnya, pihak ibu bapa, guru dan sekolah boleh mendapatkan gambaran sebenar tentang tahap kompetensi sosial kanak-kanak secara menyeluruh. Hal ini memudahkan pihak bertanggungjawab untuk merangka pelan dan strategi intervensi yang sesuai seterusnya memastikan kanak-kanak mempunyai masa depan yang baik dari segala aspek yang berkaitan kompetensi sosial.

Hal ini disokong oleh Robert Wood Johnson Foundation (2015), yang menyatakan bahawa, pentaksiran kompetensi sosial pada peringkat pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan yang signifikan dalam menentukan jangkaan masa depan seseorang individu dari segi pendidikan, perkerjaan, keadilan, penglibatan jenayah dan kesihatan mental. Menurut kajian ini, kanak-kanak yang mempunyai skor yang baik bagi domain kemahiran sosial dengan menunjukkan kemahiran komunikasi, kooperatif, berkongsi dan saling membantu cenderung untuk mempunyai kelulusan akademik yang lebih tinggi dan pekerjaan yang lebih profesional. Menurut Wing-kai dan Rebecca (2017), kemahiran sosial merupakan suatu kemahiran yang harus dikuasai oleh kanak-kanak pada peringkat prasekolah bagi penyesuaian konteks sosial masyarakat sebenar.

Seterusnya, hasil kajian ini juga akan membantu pihak sekolah memenuhi matlamat Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan iaitu menyediakan perkembangan secara holistik kepada kanak-kanak. Menurut McKown (2017), sepertimana pentaksiran dari segi kognitif dan akademik, pentaksiran kompetensi sosial

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang baik akan membantu guru untuk mencapai matlamat pendidikan yang diharapkan. Pentaksiran kompetensi sosial merupakan suatu alat bagi guru mengenalpasti kekuatan dan kelemahan pelajar dan merancang intervensi serta langkah seterusnya.

Selain itu, instrumen kompetensi sosial berbentuk soal selidik ini juga akan membantu meningkatkan nilai kesahan dan kebolehpercayaan hasil pentaksiran menggunakan instrumen ini. Hal ini kerana, berbanding dengan instrumen yang diadaptasi dari luar, instrumen ini tidak menghadapi isu psikometrik dan isu metodologi kerana direkabentuk khusus bagi perkembangan kompetensi sosial kanak-kanak di Malaysia.

Instrumen ini juga menggunakan skala muka likert yang sesuai dengan responden kajian iaitu golongan kanak-kanak. Skala muka likert ini lebih mudah difahami oleh kanak-kanak berbanding skala likert biasa (Hall, Collette & Tazzyman, 2016). Oleh itu, instrumen kompetensi sosial yang menggunakan skala muka likert ini akan lebih mudah difahami oleh kanak-kanak seterusnya mampu mengukur tahap kompetensi sosial kanak-kanak dengan sah dan menyeluruh.

## 1.11 Batasan Kajian

Antara batasan kajian ini ialah kajian ini hanya mengkaji kesahan dan kebolehpercayaan Instrumen Kompetensi Sosial Kanak-Kanak. Antara aspek kesahan yang diambil kira ialah kesahan kandungan melalui pakar dan kesahan konstruk berdasarkan Model Pengukuran Rasch. Kesahan yang diukur melalui Model

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pengukuran Rasch ialah kesahan dari segi keserasian item, polariti item, unidimensionaliti dan kesahan skala. Bagi kebolehpercayaan pula, aspek kebolehpercayaan yang diambil kira ialah *internal consistency* iaitu dengan melihat nilai kebolehpercayaan item (*item reliability*), kebolehpercayaan individu (*person reliability*) dan indeks pengasingan item (*item separation index*).

Kajian ini juga adalah terhad kepada kanak-kanak berumur 6 tahun di beberapa buah tadika di zon Bandar Utama Shah Alam. Kajian ini melibatkan seramai 47 orang kanak-kanak 6 tahun dalam kajian rintis dan 100 orang kanak-kanak 6 tahun dalam kajian sebenar.

## 1.12 Kesimpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui perbincangan dalam Bab 1 ini, jelaslah bahawa kompetensi sosial kanak-kanak harus diukur secara menyeluruh. Hal ini boleh dilaksanakan dengan mengimplementasikan *Tri-Component Model of Social Competence* sebagai asas kepada instrumen kompetensi sosial tersebut. Setiap instrumen yang dihasilkan juga haruslah mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi bagi memastikan hasil daripada instrumen kompetensi sosial tersebut sah dan boleh dipercayai. Kompetensi sosial amat penting untuk ditaksir kerana ianya bukan sahaja menyediakan kanak-kanak dari segi akademik malah memberi kesan jangka panjang terhadap masa depan seseorang individu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi